

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH
KAWASAN : LENGGONG
TARIKH : 29.10.2014 (RABU)
NO. SOALAN : 11

Y.B DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- a) data terkini prestasi dan jumlah pelaburan asing dalam negara; dan
- b) kesan terhadap pelaburan ke negara ini ekoran isu MH370 dan
MH17.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia terus mencatat peningkatan kemasukan pelaburan asing walau pun berdepan dengan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu serta insiden kehilangan pesawat MH370 dan MH17.

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi bagi tempoh Januari hingga Jun 2014 adalah bernilai RM114.5 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 8.8 peratus dari tempoh yang sama pada tahun 2013 (RM105.2 bilion). Jumlah pelaburan ini merangkumi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan sektor utama iaitu sektor pertanian, perlombongan, perladangan dan komoditi. Pelaburan yang diluluskan ini melibatkan 2,807 projek dan akan menjana 95,046 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM40.8 bilion atau 35.6 peratus merupakan pelaburan asing, iaitu peningkatan sebanyak 27.1 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 (RM32.1 bilion).

Dalam tempoh tersebut, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada pelaburan dalam negara dengan jumlah sebanyak RM57 bilion, diikuti sektor perkilangan (RM47.4 bilion) dan sektor utama (RM10.1 bilion).

Data pelaburan terkini bagi sektor perkilangan untuk tujuh bulan pertama tahun ini turut menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2014, sejumlah RM53.2 bilion pelaburan telah diluluskan, meningkat sebanyak 86 peratus dari tempoh yang sama pada tahun 2013 (RM28.6 bilion). Pelaburan yang diluluskan ini melibatkan 498 projek dan akan menjana 52,621 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM30.7 bilion atau 57.7 peratus merupakan pelaburan asing, pertambahan sebanyak 67.8 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 (RM18.3 bilion).

Kementerian akan meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian untuk menarik pelaburan termasuk pelaburan asing ke Malaysia, bagi memastikan sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM148 bilion di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) tercapai.